



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN
KOD KURSUS : MPU2183
PEPERIKSAAN : JUN 2023
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian :
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan.
 - ii. Kertas Jawapan Objektif.
 - iii. Buku Jawapan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.


Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Pilih pernyataan **paling tepat** tentang perlembagaan.
 - A Undang-undang penting untuk mengawal emosi masyarakat.
 - B Undang-undang tertinggi dan menjadi sumber rujukan kepada pentadbiran.
 - C Undang-undang Persekutuan boleh membatalkan Undang-undang Negeri.
 - D Setiap negeri tidak perlu melaksanakan undang-undang yang digubal oleh persekutuan.

2. Suruhanjaya Reid ditubuhkan pada tahun _____.
 - A 1956
 - B 1946
 - C 1963
 - D 1976

3. Yang manakah **benar** tentang Suruhanjaya Reid?
 - A Merupakan sebuah dokumen bertulis sebagai rujukan.
 - B Perlembagaan ialah simbol kemerdekaan dan kedaulatan negara.
 - C Dikenali sempena nama pengurusinya, iaitu seorang hakim Mahkamah Rayuan England, David Beckham.
 - D Sebuah suruhanjaya bebas bagi merangka perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

4. Siapakah ahli-ahli yang terlibat dalam merangka Suruhanjaya Reid?
 - i. Sir Ivor Jennings (Britain)
 - ii. Sir William Mckell (Australia)
 - iii. Hakim Abdul Hamid (Pakistan)
 - iv. Abdul Rahman (Malaysia)
 - A i dan ii.
 - B ii, dan iii.
 - C i, ii, dan iii.
 - D ii, iii, dan iv.



Rajah 1

5. Apakah X dalam Rajah 1?
- A Malayan Union 1946.
 - B Penubuhan Malaysia 1963.
 - C Perlembagaan Malaysia 1957.
 - D Kerjasama Etnik; CLC, Pilihan raya, Perikatan.
6. Apakah kesan penularan berita palsu?
- A Tiada hukuman dikenakan.
 - B Kesahihan berita dapat diramal.
 - C Kemurungan dan tekanan mental.
 - D Pemikiran dan tingkah laku lebih tenang.
7. Ketagihan internet atau media sosial tanpa batasan akan membawa kepada kesan berikut iaitu
- i. pembaziran masa.
 - ii. Kemosrotan kesihatan.
 - iii. pencerobohan laman web.
 - iv. peningkatan pengetahuan.
- A i dan iii.
 - B iii dan iv.
 - C i, ii, dan iii.
 - D i, ii, dan iv.
8. Berikut merupakan pelakuan tidak beretika ketika menggunakan media sosial **kecuali**
- A komen berbentuk menghina orang lain.
 - B mencipta akaun menggunakan data peribadi orang lain.
 - C memuat turun gambar kepunyaan orang lain tanpa menyatakan sumber.
 - D pelajar membuat rujukan pada bahan berkaitan tugas yang diberikan.

9. Pilih pernyataan yang **salah** mengenai langkah-langkah menguruskan ICT dengan baik.
- A Memeriksa kesahihan sesuatu maklumat sebelum dikongsi.
 - B membenarkan pendedahan maklumat kepada pihak yang tidak dikenali.
 - C Memastikan kerahsiaan keselamatan data peribadi daripada diketahui umum.
 - D Memaksimumkan penggunaan ICT ketika meluangkan masa bersama-sama keluarga.
10. Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) merangkumi perkara berikut **kecuali**
- A perisian.
 - B maklumat.
 - C teknologi.
 - D komunikasi.
11. Manakah antara yang berikut **bukan** tergolong dalam khidmat sukarelawan?
- A Membantu mangsa banjir.
 - B Membantu mangsa tsunami.
 - C Membantu membersihkan kawasan perkuburan.
 - D Menjadi guru ganti di sekolah dan mendapat elaun.
12. Yang manakah antara berikut merupakan tanggungjawab sosial?
- A Membuang kucing jalanan.
 - B Menyebarkan berita palsu.
 - C Merekod kemalangan jalan raya.
 - D Memberi bantuan mangsa bencana alam.

Realiti sosial yang dialami oleh setiap orang dalam kehidupan seharian.

Pernyataan 1

13. Pernyataan 1 merupakan
- A Takrifan sosial.
 - B Takrifan harian.
 - C Takrifan autoriti.
 - D Takrifan bangsa.

Fenomena dan tingkah laku yang berkaitan dengan sistem perundangan, protokol atau perlembagaan yang telah diinstitusikan.

Pernyataan 2

14. Pernyataan 2 merupakan

- A Takrifan sosial.
- B Takrifan harian.
- C Takrifan autoriti.
- D Takrifan bangsa.

15. Manakah antara yang berikut merupakan contoh takrifan autoriti?

- A Melanggar lampu isyarat.
- B Menghadiri jamuan berbuka puasa.
- C Menghadiri majlis perkahwinan saudara.
- D Menghadiri majlis perasmian bangunan

16. Manakah antara yang berikut kesan penggunaan teknologi secara maksima?

- A Penyebaran maklumat dengan pantas.
- B Penambahan penggunaan tenaga manusia.
- C Masalah tidak dapat diselesaikan dengan cepat.
- D Pentadbiran dalam organisasi menjadi kucar-kacir.

17. Serangan siber boleh berlaku dalam bentuk

- i. spam.
 - ii. terima surat.
 - iii. serangan virus.
 - iv. ancaman penggadam.
- A i, dan ii
 - B ii, dan iv
 - C i, iii, dan iv
 - D ii, iii, dan iv

18. Kegagalan dalam mentadbir urus negara akan menyebabkan timbulnya masalah berikut **kecuali**

- A lahirnya kumpulan miskin tegar.
- B wujudnya pihak menentang kerajaan.
- C ekonomi tidak dapat dijana dengan baik.
- D perpaduan dan keharmonian dapat diwujudkan.

19. Antara berikut merupakan perayaan masyarakat India **kecuali**

- A Ponggal.
- B Deepavali.
- C Thaipusam.
- D Chap Goh Mei.

20. Manakah antara berikut jenis pakaian masyarakat Melayu?

- i. Ceongsam
 - ii. Baju kurung.
 - iii. Baju kebaya.
 - iv. Baju tarian naga.
- A i, dan ii
 - B ii, dan iii
 - C i, iii, dan iv
 - D ii, iii, dan iv

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

Persekutuan Malaysia bermaksud semua negeri dalam negara ini disatukan dalam sebuah persekutuan yang besar dan tertakluk pada kerajaan Persekutuan.

Pernyataan 1


- a. Berikan maksud berserta contoh:
 - i. Tapak Integrasi
 - ii. Perlembagaan

(4 markah)
- b. Senaraikan **enam(6)** kerangka asas Perlembagaan Persekutuan.

(6 markah)
- c. Terangkan **lima(5)** ciri umum Negara Persekutuan berserta contoh.

(10 markah)

SOALAN 2



Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan perkembangan serta kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

- a. Senaraikan **empat (4)** contoh jenayah siber.
(4 markah)
- b. Jelaskan **empat (4)** adab menggunakan media sosial berserta contoh.
(8 markah)
- c. Bincangkan **empat (4)** kesan penyalahgunaan media sosial berserta contoh.
(8 markah)

SOALAN 3



Gambar 1

Gambar 1 menunjukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarelawan.

a. Berdasarkan Rajah 2, berikan **empat (4)** contoh aktiviti sukarelawan.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** kepentingan melaksanakan program komuniti.

(6 markah)

c. Huraikan **lima (5)** cara melibatkan diri dalam program komuniti.

(10 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C: SOALAN ESEI

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

Gejala rasuah ialah satu aktiviti yang tidak bermoral yang dijalankan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Gejala ini kian menjadi virus yang boleh memberikan kesan kepada individu, masyarakat dan seterusnya kepada negara. Sebagai rakyat Malaysia yang berintegriti, huraikan **empat (4)** kesan rasuah dan huraikan **empat (4)** usaha yang boleh diambil bagi membasmi aktiviti rasuah di negara ini.

[20 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT